# RISDA

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

## KENYATAAN TENDER

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempelawa **pembekal-pembekal** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** kod bidang **070303 (Peralatan & Kelengkapan Pertanian)** untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan bekalan dan perkhidmatan seperti berikut:-

| No. Tender | Tajuk Bekalan | Taklimat Tapak<br>(KEHADIRAN DIWAJIBKAN) | Tarikh/ Waktu Tutup/ Pejabat Yang Mengeluarkan Tender |
|---|---|---|---|
| **7.0-01/2018** | MEMBEKAL DAN MENGHANTAR **PAKEJ PERALATAN PPG BAGI SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB TAHUN 2018**<br><br>**i) ZON 1 (SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, JOHOR & MELAKA)**<br><br>**ii) ZON 2 (PERAK & PAHANG)**<br><br>**iii) ZON 3 (TERENGGANU & KELANTAN)** | **1.11.2017 (Rabu)**<br><br>**WaktuPendaftaran: 10.00 Pagi – 11.00 Pagi**<br><br>➢ Hanya **penama** di dalam Sijil MOF sahaja yang boleh menghadiri lawatan **tapak** dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama. Untuk maksud ini, penama hendaklah membawa **Sijil Asal MOF serta Kad Pengenalan;**<br><br>➢ Pembekal yang lewat tidak akan dibenar menyertai tender<br><br>**Waktu Taklimat: 11.30 Pagi** | **22.11.2017** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **iv) ZON 4 (PERLIS, KEDAH & PULAU PINANG)**<br><br>**vii) ZON 5 (SABAH & SARAWAK)** | **Tempat:** **Auditorium Sultan Ahmad Shah,**<br>**Tingkat G,**<br>**Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang,**<br>**Kuala Lumpur**<br>**0342564022** | **(Rabu)**<br><br>**Jam:12.00 tengahari**<br><br>Urusetia:<br>**Unit Gaji & Perolehan**<br>**Tingkat 7,**<br>**Bahagian**<br>**Kewangan & Belanjawan**<br>**Ibu Pejabat RISDA,**<br>**Jalan Ampang, Kuala Lumpur** |
| **7.0-02/2018** | MEMBEKAL DAN MENGHANTAR **<u>PAKEJ SIPG</u> BAGI SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB TAHUN 2018**<br><br>**i) ZON 1 (SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, JOHOR & MELAKA)**<br><br>**ii) ZON 2 (PERAK & PAHANG)**<br><br>**iii) ZON 3 (TERENGGANU & KELANTAN)**<br><br>**iv) ZON 4 (PERLIS, KEDAH & PULAU PINANG)** | | |

**SYARAT-SYARAT KEPADA PEMBEKAL :**

1. Untuk pembelian dokumen, hanya **penama** di dalam Sijil MOF sahaja yang boleh membeli dokumen dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama. Untuk maksud ini, penama wajib **<u>membawa Slip Kehadiran Tapak dan Sijil Asal MOF</u>** dalam kod bidang yang dinyatakan serta masih sah tempoh pendaftaran **<u>serta SATU (1) salinan sijil berkenaan</u>** untuk simpanan dan rekod bayaran pejabat ini semasa membeli dokumen tender. ***PERKHIDMATAN FOTOSTAT TIDAK DISEDIAKAN**.*

2. **<u>Dokumen Tender berharga RM53.00 senaskah (termasuk GST)</u>**. Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai /Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama **“KETUA PENGARAH RISDA”**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

3. Dokumen-dokumen **Tawaran Tender Teknikal** dan **Tawaran Tender Kewangan** yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **dua sampul surat berasingan yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender danTajuk Bekalan** serta dimasukkan ke dalam satu sampul yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti dinyatakan di atas.

4. RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.

5. RISDA berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian tawaran daripada mana-mana penyebutharga/petender. Penyebutharga/petender boleh menawarkan harga untuk keseluruhan atau sebahagian item/pakej. Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu tawaran yang berasingan.

***"PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH***

***DI BAWAH AKTASURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA (AKTA 694)"***